

*Bang karih hanya kandi,
Bang mudi hanya sapa;
Bang baik hanya kudi,
Bang indah hanya baharu.
Baik campadah di luar pagar,
Amil il galah telong jolokkan;
Daga budak baru belajar,
Kalah salah telong tunjukkan*



基础马来语

BAHASA MELAYU UNTUK
PELAJAR CHINA

苏莹莹 赵月珍 编著

第二册

外语教学与研究出版社

基础 马来语

BAHASA MELAYU UNTUK
PELAJAR CHINA

第二册

苏莹莹 赵月珍 编著

外语教学与研究出版社

北京

图书在版编目(CIP)数据

基础马来语. 第二册 / 苏莹莹, 赵月珍编著 — 北京: 外语教学与研究出版社, 2005. 11

ISBN 7-5600-5253-3

I. 基… II. ①苏… ②赵… III. 马来语—高等学校—教材
IV. H631.1

中国版本图书馆 CIP 数据核字 (2005) 第 135299 号

出 版 人: 李朋义

责任编辑: 袁 芬 宋子茜

封面设计: 李 萌

出版发行: 外语教学与研究出版社

社 址: 北京市西三环北路 19 号 (100089)

网 址: <http://www.fltrp.com>

印 刷: 北京外国语大学印刷厂

开 本: 850×1168 1/32

印 张: 9.125

版 次: 2006 年 12 月第 1 版 2006 年 12 月第 1 次印刷

书 号: ISBN 7-5600-5253-3

定 价: 16.90 元

* * *

如有印刷、装订质量问题出版社负责调换

制售盗版必究 举报查实奖励

版权保护办公室举报电话: (010)88817519

KANDUNGAN

muka surat

PELAJARAN 1----- 1

- PERBUALAN: Pengalaman Semasa Cuti Universiti
KARANGAN: Bahasa Kebangsaan Malaysia
TATABAHASA: Kata Tunggal, Penambahan, Kata Terbitan,
Kata Dasar

PELAJARAN 2----- 15

- PERBUALAN: Orang yang Tekun akan Berjaya,
Orang yang Malas akan Kecewa.
KARANGAN: Percayakan Diri
TATABAHASA: Kata kerja berbentuk “memper-kan”, “diper-kan”,
“memper-i”, “diper-i”

PELAJARAN 3----- 29

- PERBUALAN: Penanaman
KARANGAN: Khasiat Buah-buahan
TATABAHASA: Kata nama berbentuk “pe-” dan “-an”

PELAJARAN 4----- 43

- PERBUALAN: I. Kebakaran
II. Banjir
KARANGAN: Kesan Cuaca
TATABAHASA: Kata nama berbentuk “pe-an” dan “per-an”

PELAJARAN 5----- 60

- PERBUALAN: Rajin dan Berusaha untuk Berjaya
KARANGAN: Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung,
Di Manakan Dapat Sagunya
TATABAHASA: Awalan “se-”

PELAJARAN 6----- 74

- PERBUALAN: Cara-cara Memupuk Tabiat Membaca
KARANGAN: Amalan Membaca
TATABAHASA: Keterangan Gaya

PELAJARAN 7----- 88

- PERBUALAN: Berhati-hati di Jalan Raya
KARANGAN: Kemalangan di Jalan Raya
TATABAHASA: Kata Berganda, Dua Penafian

PELAJARAN 8----- 103

- PERBUALAN: Hendakkan Percantuman, Bukannya
Perpecahan
KARANGAN: Rakyat Bersatu Negara Maju
TATABAHASA: Penambahan “-wan”, “-wati”, “-man”, “juru-”,
“tata-”, “maha-”, “pra-”

PELAJARAN 9----- 117

- PERBUALAN: Mengenal Kraftangan Malaysia
KARANGAN: Pameran Kraftangan Malaysia
TATABAHASA: Subjek Bahasa Melayu

PELAJARAN 10 -----	134
PERBUALAN: Bermain Layang-Layang	
KARANGAN: Permainan Tradisi Rakyat Malaysia	
TATABAHASA: Predikat Bahasa Melayu	
PELAJARAN 11 -----	154
PERBUALAN: Tokoh yang Saya Kagumi	
KARANGAN: Tun Abdul Razak	
TATABAHASA: Objek Bahasa Melayu	
PELAJARAN 12 -----	174
PERBUALAN: Berancang Melawat ke Kuala Lumpur	
KARANGAN: Kuala Lumpur	
TATABAHASA: Penerang Nama Bahasa Melayu I	
PELAJARAN 13 -----	191
PERBUALAN: Melawat ke Muzium Brunei	
KARANGAN: Negara Brunei Darussalam	
TATABAHASA: Penerang Nama Bahasa Melayu II	
PELAJARAN 14 -----	206
PERBUALAN: ASEAN	
KARANGAN: Negara Brunei Darussalam dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	
TATABAHASA: Klausula Keterangan Bahasa Melayu I	
PELAJARAN 15 -----	224
PERBUALAN: Secebis Sejarah China	

KARANGAN: Negara China – Tanah Air Kita
TATABAHASA: Klausa Keterangan Bahasa Melayu II

PELAJARAN 16----- 246

PERBUALAN: Melawat Bandar Raya Beijing

KARANGAN: Bandar Raya Beijing

TATABAHASA: Komplemen Bahasa Melayu

BACAAN TAMBAHAN UNTUK ----- 260
CUTI PERSEKOLAHAN

SENARAI PERKATAAN-PERKATAAN ----- 267
BARU

PELAJARAN 1

PERBUALAN:	Pengalaman Semasa Cuti Universiti
KARANGAN:	Bahasa Kebangsaan Malaysia
TATABAHASA:	Kata Tunggal, Penambahan, Kata Terbitan, Kata Dasar

Teks A: Perbualan

PENGALAMAN SEMASA CUTI UNIVERSITI

Ali, Maniam, Adam dan Mei Lin balik semula ke universiti mereka selepas cuti universiti tamat. Hari ini ialah hari pertama semester yang baru ini. Sebelum masuk kelas, mereka tidak melepaskan peluang bertemu dan bercakap-cakap tentang pengalaman masing-masing sewaktu cuti panjang itu.

- Ali: Apa khabar, Maniam, Adam dan Mei Lin?
- Maniam: Khabar baik. Wah, awak nampaknya semakin gemuk, Ali!
- Adam: Agaknya semasa cuti awak banyak tidurkan, Ali?
- Mei Lin: Mungkin juga Ali kuat makan.
- Ali: Hai, awak semua tidak habis-habis mengusik saya. Awak semua apa kurangnya? Semuanya gemuk dan sihat. Eh, apa yang awak buat semasa cuti? Ceritakanlah pengalaman awak.
- Maniam: Saya seperti biasa. Lembu bapa saya banyak untuk dijaga.
- Adam: Takkan awak menjaga lembu sepanjang masa, Maniam. Tentu awak ada ke mana-mana.

- Maniam: Tentu ada. Bapa membawa saya ke Kuala Lumpur. Dapatlah saya ke Muzium Negara, Zoo Negara, bangunan Parlimen, bangunan Dayabumi dan Pusat Dagangan Dunia Putera.
- Mei Lin: Wah, awak sudah sampai di bangunan yang besar dan cantik itu! Saya pun ingin pergi ke sana.
- Ali: Mengapa awak tidak ke Kuala Lumpur, Mei Lin? Bukankah awak ada saudara di sana? Bolehlah mereka menemani awak berjalan-jalan.
- Mei Lin: Pada musim cuti, orang Kuala Lumpur balik ke kampung. Kebetulan ada musim buah-buahan. Jadi saya dan keluarga meraikan mereka sahajalah. Tetapi ada juga saya ke Melaka. Sempat juga saya ke pusat pelancongan di Air Keroh. Wah, banyak pengetahuan tentang adat istiadat dan kesenian kita yang saya dapat.
- Adam: Awak jangan lupa Melaka ialah negeri yang penuh bersejarah. Awak tidak ke tempat-tempat bersejarah di Melaka, Mei Lin?
- Mei Lin: Oh, tentu saya pergi! Bukit St. Paul, Muzium Negeri, Pejabat Kerajaan di Bangunan Stadthuys dan Perigi Hang Tuah saya kunjungi juga. Awak pula duduk di rumah sahaja, Adam?
- Adam: Anak lelaki mesti aktif, Mei Lin. Saya dan Ali mengembara dari Johor ke Pulau Pinang.
- Maniam: Wah, awak berdua berjalan kaki ke Pulau Pinang?
- Ali: Mengembara tidak semestinya berjalan kaki, Maniam. Kami naik kereta api. Sewaktu pulang kami naik bas bersambung-sambung. Banyak bandar dan pekan yang kami kunjungi. Kami seronok dapat melihat tempat-tempat di negara kita.
- Mei Lin: Ceritakanlah apa yang ada di Pulau Pinang.

- Adam: Di Pulau Pinang pun ada banyak tempat yang menarik. Ada Bukit Bendera, Muzium Negeri, Taman Tasik, Pantai Batu Feringgi dan bermacam-macam lagi. Kami sempat juga menyaksikan Pesta Pulau Pinang yang diadakan pada setiap hujung tahun.
- Mei Lin: Amboi, banyak betul tempat yang baik untuk melancong di negara kita!
- Maniam: Setiap negeri ada keistimewaannya. Negeri Sabah terkenal dengan Taman Negara Kinabalu. Negeri Sarawak terkenal dengan Gua Niah. Johor pula masyhur dengan Air Terjun Kota Tinggi. Wah, tentu seronok kalau kita dapat melancong ke sana!
- Ali: Kalau awak semua setuju, pada masa cuti penggal kelak bolehlah awak ikut kami mengembara lagi. Cintailah negara kita.
- (Diubahsuaikan daripada *Bahasa Malaysia Tingkatan 1*.)

Teks B: Karangan

BAHASA KEBANGSAAN MALAYSIA

Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia sejak tahun 1957. Pendaualatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi itu berdasarkan beberapa sebab. Pertama, bahasa Melayu sejak berabad-abad telah menjadi bahasa perantaraan (*lingua franca*) di Malaysia dan bahkan di negara-negara Nusantara. Kedua, hanya bahasa Melayu sahajalah yang dapat menyelesaikan masalah kesukaran

berhubung kerana kepelbagaian dialek dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil. Sistem bahasa Melayu dapat dikatakan seragam, walaupun ada dialek-dialeknya. Ketiga, kaum Melayu ialah kaum yang terbesar bilangannya. Tambahan pula mereka sudah menjadi penduduk negara ini sejak abad ketiga sebelum Masihi lagi.

Anda tentu masih ingat bahawa pada tahun 1957 kerajaan melonggarkan syarat kewarganegaraan bagi kaum-kaum bukan Melayu, iaitu menurut konsep *jus soli*. Sebagai balasan terhadap kelonggaran itu, pemimpin-pemimpin kaum bukan Melayu bersetuju menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Dengan demikian, jelaslah bahawa perkara menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah dipersetujui dahulu oleh kaum bukan Melayu.

Selain kejayaan mengetengahkan satu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, kerajaan merancang untuk menggantikan peranan bahasa Inggeris dalam segala bidang, seperti pentadbiran dan pendidikan, dengan bahasa Melayu secara beransur-ansur. Kerajaan telah menetapkan tempoh sepuluh tahun (1957-1967) untuk tujuan itu. Tetapi matlamat tersebut tidak berjaya. Hal ini disebabkan oleh dasar pelaksanaan yang kurang tegas dan kurangnya penglibatan rakyat bukan Melayu.

Salah satu perubahan penting yang dilakukan pada tahun 1970 ialah penggunaan istilah bahasa Malaysia sebagai ganti bahasa Melayu. Pada hakikatnya, bahasa Malaysia itu bahasa Melayu juga. Tetapi dari satu sudut, perubahan itu membawa pengertian dan kesan yang besar. Dengan menukarkan istilah bahasa Melayu menjadi bahasa Malaysia, diharapkan akan pupus sangkaan bahawa bahasa itu kepunyaan orang Melayu sahaja. Sebaliknya bahasa tersebut adalah milik semua warganegara Malaysia.

(Dipetik daripada *Bahasa Malaysia Tingkatan 1*.)

PERKATAAN BARU

semester	学期	melepaskan (lepas)	放弃
peluang (luang)	机会	mengusik (usik)	取笑, 嘲笑
muzium	博物馆	parlimen	国会
dayabumi	土地能源	dagangan (dagang)	商业
kebetulan (betul)	恰巧, 刚好	meraikan (rai)	接待, 庆祝
perigi	井	mengembara (kembara)	旅行
keistimewaan (istimewa)	特殊性	gua	洞
masyhur	著名的	terjun	跳下, 投入
kelak	今后	berdasarkan (dasar)	以……为基础
perantaraan (antara)	媒介, 中介	bahkan	甚至
Nusantara	马来群岛	kepelbagaian (pelbagai)	多样性
dialek	方言	seragam (ragam)	风格一致
melonggarkan (longgar)	放宽	konsep	概念
balasan (balas)	报答, 回复	peranan (peran)	作用
segala	所有的	pentadbiran (tadbir)	行政
menetapkan (tetap)	确定	matlamat	愿望, 目的
pelaksanaan (laksana)	执行	kewarganegaraan	公民权
warganegara	公民	mengetengahkan (tengah)	提出
hal	事情	tegas	坚决
penglibatan (libat)	参与	istilah	词汇
hakikat	事实	pengertian (erti)	意义
kesan	效果, 作用	pupus	消除
sangkaan (sangka)	疑惑, 猜想	kepunyaan (punya)	为……所拥有
sebaliknya (balik)	相反的	milik	拥有

RANGKAIAN KATA & UNGKAPAN

melepaskan peluang	放弃机会	kuat makan	能吃, 吃得很多
tidak habis-habis	没完没了	seperti biasa	一如平常
adat istiadat	风俗习惯	tempat bersejarah	历史遗迹
Gua Niah	尼亚洞	air terjun	瀑布
bahasa kebangsaan	国语	bahasa rasmi	官方语言
berabad-abad	几个世纪	bahasa perantaraan	媒介语
bahasa Tamil	泰米尔语	tambahan pula	而且
melonggarkan syarat	放宽条件	segala bidang	所有方面
pada hakikatnya	事实上		

PENERANGAN

1. Sebelum masuk kelas, mereka tidak **melepaskan peluang** bertemu dan bercakap-cakap tentang pengalaman masing-masing sewaktu cuti panjang itu.
上课之前, 他们没有放弃见面聊天的机会, 聊起了各自在长假里的经历。
2. Hai, awak semua **tidak habis-habis** mengusik saya.
嗨, 你们都没完没了地取笑我。
3. **Takkan** awak menjaga lembu sepanjang masa, Maniam.
马尼阿穆, 你不可能一直都在看牛吧。
4. Bahasa Melayu diangkat menjadi **bahasa kebangsaan** dan **bahasa rasmi** Malaysia sejak tahun 1957.
自 1957 年, 马来语被提升为马来西亚的国语和官方语言。
5. Bahasa Melayu sejak berabad-abad telah menjadi **bahasa perantaraan** (*lingua franca*) di Malaysia dan bahkan di negara-negara **Nusantara**.

几个世纪以来，马来语就一直是马来西亚甚至是马来群岛上各国的媒介语。

“Nusantara”也被称为“奴山达拉群岛”，其意思是“Kepulauan Melayu”，即马来群岛。这一地区是古代马来语使用的地区，包括今天的马来西亚、印度尼西亚、文莱、新加坡以及泰国南部和菲律宾南部的部分地区。

6. Anda tentu masih ingat bahawa pada tahun 1957 kerajaan melonggarkan syarat kewarganegaraan bagi kaum-kaum bukan Melayu, iaitu menurut konsep *jus soli*.

您一定还记得，1957年，政府放宽了非马来族取得公民权的条件，即遵循“就出生地确定国籍”的原则。

“jus soli”的马来语解释为：“hak mendapat kerakyatan di sesebuah negara berdasarkan kelahiran di negara itu”。这是国际上许多国家采用的确定公民权的法律原则——就出生地确定国籍原则。

7. Selain kejayaan **mengetengahkan** satu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, kerajaan merancang untuk menggantikan peranan bahasa Inggeris dalam segala bidang, seperti pentadbiran dan pendidikan, dengan bahasa Melayu secara beransur-ansur.

除了成功地提出“一种国语、一种官方语言”之外，政府还计划用马来语逐步取代英语在各个领域的作用，例如：行政及教育领域。在这个句子中，“mengetengahkan”的词根是“ke tengah”这个词组，由于同时加上词首及词尾，就将其连成一个词。类似的词还比如：“mengemukakan”，其词根是“ke muka”。

8. Hal ini disebabkan oleh dasar pelaksanaan yang kurang tegas dan kurangnya penglibatan rakyat bukan Melayu.

这是因为执行政策不够坚决，而且缺乏非马来族的参与。

9. Dengan menukarkan istilah bahasa Melayu menjadi bahasa Malaysia, diharapkan akan pupus sangkaan bahawa bahasa itu **kepunyaan orang Melayu sahaja**.
希望通过将“马来语”改为“马来西亚语”，能够消除“马来语只属于马来人”的疑虑。

TATABAHASA KATA TUNGGAL, PENAMBAHAN KATA TERBITAN, KATA DASAR

马来语中的词汇由各种各样的元素构成。有的词仅由词根构成，而有的词则是由词根与词缀组合而成。许多语法学家把仅由词根构成而无任何附加成分的词称为 Kata Tunggal 或 Kata Selapis。

“Kata selapis adalah kata yang tidak mendapat penambahan.”

(Asmah Haji.Omar:1976)

例如：

Kata Nama Tunggal:

rumah, nama, buku, gambar, meja, laci, kucing...

Kata Kerja Tunggal:

datang, pergi, tidur, terjun, naik, tahu, kenal...

Kata Sifat Tunggal:

pandai, cantik, cepat, sejuk, panas, merah, baik...

在上一册书中我们曾提到：马来语属粘着型语言，其词汇的基本构成形式是：词根（Kata Dasar）+词缀（Penambahan）。在马来语中，词缀分为前缀（Awalan）和后缀（Akhiran）。

“Penambahan yang terdapat pada awal perkataan itu adalah awalan, dan yang terdapat pada akhir perkataan itu adalah akhiran.”

(Asmah Haji Omar:1976)

例如:

Awalan: me-; ber-; di-; per-; pe-; ter-; se-; ke-; tata-; juru-

Akhiran : -an; -kan; -i; -wan; -man

那么,由“词根 + 词缀”所构成的词在马来语中被称为 Kata Terbitan 或 Kata Berlapis.

“Kata Berlapis adalah perkataan yang mempunyai awalan atau akhiran atau kedua-duanya.”

(Asmah Haji Omar :1976)


例如:

1. Ada wang tetapi tidak ada **kepandaian**, tidak boleh jadi juga.
有财而无能仍然无所成。
2. Gadis yang **tercantik** itu adik saya.
最漂亮的那个姑娘是我妹妹。
3. Pelbagai **kemudahan** telah **disediakan** di kawasan **perumahan** ini.
这个住宅区设施齐全。
4. Orang tinggi itu **bernama** Ali.
那个高个子名叫阿里。
5. Beliau telah **dipilih menjadi pengerusi** jawatankuasa ini.
他当选为该委员会主席。
6. **Membaca merupakan satu amalan** yang baik.
阅读是一个好习惯。
7. Rupa **tulisanmu** seperti cakar ayam.
你的字太潦草了。

8. Ia mula **meninggalkan** tempat itu.

他开始离开那个地方。

综上所述，我们可以通过以下图形来表示马来语基本词汇的构成：



LATIHAN DI LUAR KULIAH

1. **Membuat ayat dengan perkataan-perkataan di bawah ini (造句):**

- 1) melepaskan 2) menyaksikan 3) kebetulan 4) peluang
- 5) keistimewaan 6) menetapkan 7) hakikat 8) kesan
- 9) kepunyaan 10) sebaliknya

2. **Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai di dalam kurungan (选择适当的词填空):**

- 1) Saya akan _____ di majlis itu. (hadir, pergi, datang)
- 2) Emak _____ adik saya, sebab dia tidak membaca bukunya. (tidurkan, marahkan, sayang)
- 3) Dia _____ keretanya dengan laju. (memandu, meletakkan, mencuci)
- 4) Pergilah _____ saya barang itu segera. (belikan, masakkan, lari)